

KISAH SEBENAR JHO LOW DAN SKANDAL 1MDB

BILLION

DOLLAR

WHALE

EDISI
BAHASA
MELAYU

TOM WRIGHT &
BRADLEY HOPE

"Buku yang sungguh hebat! Kisah ngeri yang benar-benar berlaku yang terasa seakan-akan terjadi dalam filem Hollywood. *Billion Dollar Whale* melakarkan angkara pemain utama yang penuh misteri dan yang anginnya sangat mudah berubah-ubah yang belum pernah berlaku dalam lipatan sejarah. Jho Low ialah Gatsby yang berganda-ganda lebih kaya dan berganda-ganda lebih tinggi impiannya dan angkaranya seperti mana yang dilkarkan adalah cukup hebat!"

—BEN MEZRICH, pengarang buku terlaris *The Accidental Billionaires* dan *Bringing Down the House*, New York Times

"Penulis cereka yang paling berbakat sekalipun akan berasa sukar untuk menggambarkan protagonis *Billion Dollar Whale* yang korup dan penuh warna-warni ini. Gambaran yang sangat menarik tentang Jho Low dan konco-konconya dalam sistem kewangan global yang ditulis oleh Bradley Hope dan Tom Wright akan membuat anda berasa terpegun dan dalam masa yang sama berasa marah."

—SHEELAH KOLHATKAR, penulis yang bertugas di New Yorker dan New York Times dan pengarang buku terlaris *Black Edge*

"Kisah yang dilaporkan dengan cara yang menarik dan luar biasa tentang penipuan yang merentasi dunia yang dilakukan oleh Gatsby zaman moden."

—JESSE EISINGER, wartawan yang memenangi Pulitzer Prize, ProPublica, dan pengarang *The Chickenshit Club*

"*Billion Dollar Whale* bukan sahaja mendedahkan penipuan kewangan yang amat besar; ia juga membawa pembaca mengenali dengan lebih dekat suatu penipuan yang berterusan bertahun-tahun lamanya."

—GREGORY A. COLEMAN, ejen khas FBI yang sudah bersara; ejen kes, siasatan 'Wolf of Wall Street'




Rm 70.00

31/12/2018

**BILLION
DOLLAR
WHALE**



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

KISAH SEBENAR JHO LOW
DAN SKANDAL 1MDB

BILLION

DOLLAR


WHALE

**TOM WRIGHT &
BRADLEY HOPE**

PUSTAKA PERDANA



1011754

 ZI Publications Sdn. Bhd.



**Bilion Dolar Whale:
Kisah Sebenar Jho Low dan Skandal 1MDB**

Hakcipta © 2018 edisi bahasa Melayu oleh ZI Publications Sdn Bhd
Hakcipta © 2018 edisi bahasa Inggeris oleh Tom Wright dan Bradley Hope

Hakcipta © 2018 Rekabentuk kulit buku edisi bahasa Melayu oleh
ZI Publications Sdn Bhd
Hakcipta gambar © Michael Loccisano/Getty Images; *The New York Times*
Health For Tomorrow Conference

Edisi bahasa Melayu diterbitkan oleh



ZI Publications Sdn. Bhd. ^{398106-W}

B-2-19 Merchant Square,
Jalan Tropicana Selatan 1
PJU 3, 47410 Petaling Jaya, Selangor
Tel: 03-78850021 Faks: 03-78850027

Terbitan Pertama November 2018

ISBN 978-967-5266-50-8

Edisi Bahasa terjemahan oleh Zaleha Abdin diterbitkan dengan kebenaran penerbit asal:
Hachette Books, Hachette Book Group 1290 Avenue of the America, NY 10104 untuk edisi Bahasa Inggeris yang pertama kali terbit pada September 2018. Semua hakcipta terpelihara.

Semua hakcipta terpelihara. Kecuali petikan-petikan pendek untuk ulasan akhbar, majalah, internet, radio dan televisyen, mana-mana bahagian daripada buku ini tidak dibenarkan untuk dikeluarkan semula dalam apa bentuk sekalipun samada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau lain-lain sebagainya tanpa mendapat izin bertulis daripada penerbit, ZI Publications Sdn Bhd.

Dicetak oleh
Percetakan Haji Jantan Sdn Bhd
12 Jalan 4/118C, Desa Tun Razak
56000 Cheras, Kuala Lumpur, Malaysia

364.163092




PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

Untuk Mum, Nina, Julia, dan Laurence—TW

Untuk Farah, Joumana, dan Sufiyan—BH





PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

Kandungan

Nota Pengarang	11
Senarai watak	15
Prolog	21

BAHAGIAN 1 TERCIPTANYA JHO LOW

Bab 1	: Gambar Foto Palsu	33
Bab 2	: Great Gatsby Asia	43
Bab 3	: Menang Duit Berkoyan-koyan	48
Bab 4	: Kita Perlu Van yang Lebih Besar	54
Bab 5	: Barang Mainan yang Cantik	64
Bab 6	: Kalau Tak Silap, Dr Leissner, bukan?	72
Bab 7	: Kerabat Diraja Arab Saudi (Rompakan Pertama)	84
Bab 8	: Dapat Durian Runtuh	91
Bab 9	: I Feel the Earth Move	98

BAHAGIAN II JUTAWAN DALAM SEKELIP MATA

Bab 10	: Sepetang Bersama Pelayan Playboy	105
Bab 11	: Bermandikan Crystal	119
Bab 12	: Cara Berbelanja Berbilion Dolar	124
Bab 13	: Di Mana Wang Kami?	129
Bab 14	: Hebahkan di Akhbar	137



Bab 15	: Selamat Datang ke New York	141
Bab 16	: Produk Karut dan Tidak Bernilai	145
Bab 17	: Kawan Baik Saya, Leo	154
Bab 18	: Tayang Botol Bernilai Dua Juta Dolar	160
Bab 19	: Tolong Jangan Merepek	168
Bab 20	: Belfort Terhidu Suatu Penipuan	176
Bab 21	: Pemberhentian yang Getir	184
Bab 22	: Emper dengan Permandangan yang Cantik	188
Bab 23	: Switzerland di Sebelah Timur	193
Bab 24	: Brazen Sky	200
Bab 25	: Goldman dan Tuan Sheikh (Rompakan Kedua)	206
Bab 26	: Menipu Negara	213

BAHAGIAN III EMPAYAR

Bab 27	: Menjadikan Busta Anjingnya	229
Bab 28	: Kekayaan yang Melimpah-ruah di Muka Bumi Ini	235
Bab 29	: Mistik Timur	244
Bab 30	: '681 American Pies' (Rompakan Ketiga)	249
Bab 31	: Seni yang Tidak Boleh Dilihat oleh Orang Lain	261
Bab 32	: Tukang Emas dan Banker	270
Bab 33	: Perniagaan Bona Fide	277
Bab 34	: 140 Gigabit	282
Bab 35	: Tuduhan Leo Terhadap Wall Street	287
Bab 36	: The Oval Office	291
Bab 37	: Saiz Memang Penting	300
Bab 38	: Hilang Kawalan	306




BAHAGIAN IV LEDAKAN RAHSIA

Bab 39	: Tak Ada Wang, Tak Ada Urusan	321
Bab 40	: Jho Low yang Dermawan	331
Bab 41	: Wang Berguni-guni	336
Bab 42	: Pendedahan	343
Bab 43	: Punggung yang Memakai G-String	350
Bab 44	: Najib yang Perkasa	357
Bab 45	: Timbalan Pendakwa Raya dalam Tong Minyak	371

BAHAGIAN V KEPUTUSAN KAPTEN

Bab 46	: Ejen Khas McMurry	375
Bab 47	: Berpesta dalam Pelarian	386
Bab 48	: Hubungan dengan China	390
Bab 49	: Ada Buruk Baiknya	395
Bab 50	: Jenayah Kolar Putih	399
Bab 51	: Jatuhnya Raja Khadem	409
Epilog		415
Penghargaan		426



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

Nota Pengarang

Pada tahun 2015, kami mula membuat laporan tentang dana kekayaan kerajaan Malaysia selepas khabar angin mula menular tentang hutangnya yang menimbun dan urus niaga yang tidak jelas. Ia merupakan suatu kisah yang penuh misteri. Goldman Sachs telah memperoleh keuntungan yang amat besar dengan membantu dana tersebut mendapatkan wang, dan skandal yang berlaku kerana wang tersebut telah mengoncang kedudukan perdana menteri Malaysia. Namun ini bukan kes rasuah yang biasa-biasa yang berlaku di sebuah lagi negara sedang membangun. Laporan media dan sumber yang dihubungi oleh kami membayangkan bahawa Jho Low, sekutu perdana menteri yang berusia dua puluh tujuh tahun dan yang entah siapa-siapa, telah menyelewengkan wang itu, yang mungkin berjumlah beratus malah berbilion juta dolar. Dia menggunakan wang tersebut untuk menubuhkan sebuah syarikat perfileman di Hollywood, membeli sebuah kapal pesiar, antara yang termewah di dunia, dan mengadakan parti-parti yang tidak bermoral di serata dunia. Jika hal ini benar, maka kisah Low merupakan rompakan kewangan paling besar di dunia ini.

Siapakah Jho Low? Bagaimana dia tiba-tiba boleh menjadi terkenal dan dikatakan sebagai dalang dalam penipuan yang melibatkan berbilion dolar ini – yang sewenang-wenangnya dilakukan tanpa disedari oleh dunia kewangan? Kami berusaha membongkar identiti sebenar Low dan apa yang ditemui oleh kami amatlah mengejutkan. Di sebalik penampilan dan tingkah laku yang biasa-biasa, wujud seorang fabulis bersiri yang tahu bagaimana dunia ini berfungsi. Dia bergaul dengan semua orang, namun hanya segelintir yang benar-benar mengenali dirinya selain reputasinya sebagai seorang yang boros y



pernah disaksikan oleh masyarakat *jet setter*. Ini bukan sekadar cerita yang bukan-bukan tentang banker Wall Street, selebriti, dan putar alam yang licik. Kejayaan Low pada dasarnya ialah akibat kegagalan ekonomi global abad kedua puluh satu. Keupayaannya untuk mengaut wang yang sebegitu banyak, memperdayakan banker Wall Street, juruaudit, dan penyelaras; kejayaannya dalam menggunakan kekayaan yang tidak dapat digambarkan untuk menjalinkan persahabatan dengan pelakon dan model bertaraf antarabangsa; dan dia dengan mudahnya dapat memperdayakan semua orang kononnya dia sama seperti mereka. Sesungguhnya Low ialah produk sesebuah masyarakat yang mementingkan harta dan glamor.


Kami sedar kisah hidup Jho Low yang amat luar biasa tidak sesuai untuk disiarkan dalam *Wall Street Journal*. Maka dengan menulis buku ini, kami berharap dapat menunjukkan secara terperinci bagaimana Low melakukannya, tetapi juga apa yang mendorong dia dan bagaimana sebegitu lama dia boleh terlepas daripada perhatian pihak berkuasa. Gambaran yang lebih besar tentang kapitalisme dan ketaksamarataan, yang diceritakan melalui kisah hidup Low, kami rasa, akan memberikan pengajaran yang tidak ternilai kepada kita semua.

Bahan-bahan dalam halaman ini adalah hasil siasatan yang memakan masa selama tiga tahun. Kami menemu duga lebih daripada seratus individu di lebih daripada dua belas buah negara, dari bandar kecil di Willemstad di pulau Curaçoa hinggalah ke Shanghai di China. Kebanyakan orang yang disebut dalam buku ini sanggup bercakap secara langsung dengan kami ataupun melalui wakil undang-undang dan ada sebilangan kecil yang enggan berbuat begitu. Kebanyakan sumber kami enggan nama mereka dikaitkan kerana bimbang akan dcederakan ataupun dikenakan tindakan undang-undang. Setiap anekdot yang diberikan adalah berdasarkan kutipan daripada pelbagai sumber dan dalam sesetengah kes, disertakan gambar foto, video, dan dokumentasi-dokumentasi lain. Kami telah mengkaji beribu-ribu dokumen, termasuk rekod mahkamah, dokumen s yang sulit, serta rekod kewangan. Selain beratus ribu e-me

diserahkan kepada pihak berkuasa semasa kes ini disiasat, kami juga berpandukan dakwaan rasmi yang terkandung dalam kes perampasan aset sivil Jabatan Kehakiman, serta prosiding mahkamah di Singapura dan laporan rasmi oleh pihak berkuasa di Switzerland.

Semasa buku ini ditulis pada Mac 2018, tiada tuduhan rasmi tentang salah laku jenayah telah difailkan terhadap Jho Low ataupun terhadap kebanyakan watak utama dalam buku ini. Sehingga kini, hanya segelintir pengurus bank di Singapura meringkuk dalam penjara. Semasa kami sedang menyiapkan buku ini, Jabatan Kehakiman sedang melakukan penyelidikan besar-besaran terhadap Jho Low dan lain-lain yang terbabit dalam kes ini. Pihak berkuasa di Switzerland dan di Singapura juga sedang meneruskan siasatan.

Semua watak utama dalam buku ini tidak mengaku bersalah dan berkeras mengatakan transaksi yang dibuat adalah sah dari segi undang-undang, tetapi mereka enggan memberikan apa-apa penjelasan tentang urusan niaga mereka. Jho Low, khususnya, menekankan dia tidak dikenakan apa-apa tindakan undang-undang terhadap mana-mana kegiatan jenayah dalam mana-mana yurisdiksi dan bahawa tidak ada bukti fakta oleh mana-mana mahkamah berhubung sebarang salah laku jenayah. Watak-watak lain yang akan ditemui oleh pembaca, antaranya Patrick Mahony dan Tarek Obaid daripada syarikat minyak Switzerland yang diberi nama PetroSaudi International, dan perdana menteri Malaysia, Najib Razak, tetap mengatakan, melalui peguam masing-masing, bahawa mereka tidak berbuat salah. Apa-apa kesalahan adalah pada diri kami.



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

Senarai Watak

Keluarga Low

Low Taek Jho, 'Jho Low'

Low Taek Szen, abangnya

Low May-Lin, kakaknya

Goh Gaik Ewe, ibunya

Low Hock Peng, 'Larry Low', bapanya

Jesselynn Chuan Teik Yang, teman wanita Jho Low

Sekutu Low

Jasmine Loo Ai Swan, penasihat undang-undang di 1Malaysia

Development, ataupun 1MDB, sebuah dana pelaburan kerajaan Malaysia

Casey Tang Keng Chee, pengarah eksekutif 1MDB

Seet Li Lin, rakan dari Wharton dan naib presiden Jynwel

Capital, sebuah firma di Hong Kong milik Low

Eric Tan, 'Fat Eric', lelaki yang suka berfoya-foya dan rakan Low

Nik Faisal Ariff Kamil, pengarah pelaburan 1MDB

Hamad Al Wazzan, rakan dari Kuwait

Malaysia

Najib Razak, mantan Perdana Menteri Malaysia

Rosmah Mansor, isteri Najib

Riza Aziz, anak Rosmah daripada perkahwinan yang pertama.

Pengasas bersama Red Granite Pictures

Mahathir Mohamad, perdana menteri Malaysia kini dan

nemesis Najib

Anwar Ibrahim, ketua parti pembangkang



Goldman Sachs

Timothy Leissner, pengerusi, rantau Asia Tenggara
 Adrea Vella, ketua urus niaga berstruktur Goldman di rantau Asia
 kemudian menjadi ketua bersama bank pelaburan, Asia
 Lloyd Blankfein, ketua eksekutif
 Gary Cohn, presiden

PetroSaudi International

Putera Turki bin Abdullah Al Saud, pengasas bersama
 Tarek Obaid, pengasas bersama dan ketua pegawai eksekutif
 Nawaf Obaid, saudara Tarek
 Patrick Mahony, ketua pegawai pelaburan
 Xavier Justo, ketua pejabat di London

Abu Dhabi

Khadem Al Qubaisi, pengarah urusan, IPIC
 Yousef Al Otaiba, duta Emiriyah Arab Bersatu di Amerika
 Syarikat
 Mohamed Badawy Al Husseiny, ketua eksekutif, Aabar
 Investments
 Sheikh Mansour Bin Zayed Al Nahyan, saudara kandung Sheikh
 Mohammed dan pengerusi IPIC
 Khaldoon Khalifa Al Mubarak, ketua eksekutif Mubadala
 Development

BSI

Hanspeter Brunner, ketua eksekutif, rantau Asia
 Yak Yew Chee, ketua banker perhubungan untuk Jho Low dan
 1MDB
 Yeo Jiawei, banker pengurusan harta yang letak jawatan kerana
 mahu bekerja dengan Jho Low
 Kevin Swampillai, ketua pengurusan harta

AmBank

Cheah Tek Kuang, ketua eksekutif

Joanna Yu, banker yang menguruskan akaun Najib Razak

Falcon Bank

Eduardo Leemann, ketua eksekutif

Hollywood/Hiburan

Joey McFarland, kawan Jho Low, pangasas bersama Red Granite Pictures

Paris Hilton, sosialit

Leonardo DiCaprio, pelakon

Jamie Foxx, pelakon, ahli muzik

Kasseem Dean, 'Swizz Beatz', suami Alicia Keys, penerbit muzik

Busta Rhymes, ahli muzik

Noah Tepperberg dan Jason Strauss, pemilik empayar kelab malam Strategic Hospitality Group

Miranda Kerr, model

Prakazrel Samuel Michél, 'Pras', ahli muzik

Kate Upton, model

Elva Hsiao, ahli muzik dari Taiwan dan teman wanita Low

Nicole Scherzinger, ahli muzik

Wartawan

Clare Rewcastle-Brown, pengasas *Sarawak Report*

Tong Kooi Ong, pemilik *The Edge*

Ho Kay Tat, penerbit *The Edge*


Federal Bureau of Investigation

William 'Bill' McMurry, ketua skuad rasuah antarabangsa, New York

Robert Heuchling, ejen FBI yang utama dalam kes 1MDB

Justin McNair, ejen FBI dan akauntan forensik bagi kes ini





PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA


Steal a little and they throw you in a jail
Steal a lot and they make you king

—*Bob Dylan, 'Sweetheart Like You'*

You get so deep into things sometimes that the
abnormal seems normal and normal seems like a
distant memory.

—*Jordan Belfort*





PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

Prolog

Las Vegas, 3- 4 November, 2012

Sekitar jam enam petang pada suatu hari yang panas dan tanpa berawan bulan November, Pras Michel, bekas ahli kumpulan trio *hip-hop* yang dipanggil *The Fugees*, menuju ke arah *Chairman Suite* di tingkat lima Hotel Palazzo. Pras mengetuk pintu yang kemudian dibuka, dan terpacaklah seorang lelaki tembam memakai tuksedo hitam dan tersenyum mesra. Lelaki yang berpeluh itu dipanggil Jho Low oleh kenalan-kenalannya dan dia bercakap dalam nada lembut yang menjadi salah satu ciri-ciri orang Malaysia. “Wah, akhirnya datang juga budak ini,” kata Low lalu memeluk penyanyi rapper itu.

Chairman Suite, yang sewanya \$25,000 semalam, merupakan bilik yang paling mewah yang ditawarkan oleh Hotel Palazzo. Ia dilengkapi kolam renang yang menghadap *The Strip*. Hiasan dalamannya moden dan berwarna putih, ada bilik karaoke, sofa melengkung serta dinding yang berlapis. Namun penyewa bilik itu tidak menghabiskan banyak masa di situ pada malam itu; ada majlis yang lebih hebat yang menunggu kehadiran Low bagi meraikan hari lahirnya yang ketiga puluh satu. Ini sekadar parti permulaan untuk kenalan-kenalan rapatnya yang datang dari setiap pelosok dunia. Sambil meneguk *champagne*, para jemputan yang terdiri daripada selebriti dan konco-konconya, mengeremuni Low apabila semakin ramai jemputan sudah tiba. Swizz Beatz, pengeluar *hip-hop* dan suami kepada Alicia Keys, sedang rancak berbual dengan Low. Kemudian muncul pula Leonardo DiCaprio bersama dengan Benicio Del Toro untuk berbincang dengan Low tentang cadangan untuk membikin sebuah filem.



Apa pendapat para jemputan tentang hos mereka? Bagi kebanyakan orang di majlis itu, Low sosok yang penuh misteri. Dia berasal dari Malaysia, sebuah negara kecil di Asia Tenggara yang sukar ditunjuk dengan tepat kedudukannya di peta dunia oleh orang Barat. Muka Low yang bulat masih kelihatan keanak-anakan, bercermin mata, pipi yang kemerah-merahan, tidak berjambang ataupun berjanggut. Penampilannya yang tidak menarik berserta sikapnya yang janggal dan tidak selesa semasa berbual, disangka sifat pemalu oleh wanita cantik yang mengelilinginya. Dia berhemah dan bersopan-santun tetapi tidak dapat memberikan perhatian pada apa yang sedang berlaku, dan sering kali dia mematikan perbualan untuk menyambut panggilan telefon daripada berpuluh-puluh telefon bimbitnya.

Walaupun penampilan Low tidak menarik, menurut khabar angin, dia ada banyak wang, malah dia dikatakan jutawan. Para hadirin berbisik-bisik sesama mereka bahawa beberapa bulan yang lalu, syarikat Low telah membeli kepentingan dalam EMI Music Publishing, dan terdapat khabar angin yang mengatakan dia yang membiayai filem DiCaprio yang terkini, *The Wolf of Wall Street*, yang sedang ditayangkan pada masa itu. Tingkah laku Low yang malu-malu sebenarnya tidak menggambarkan keinginannya yang mantap yang jarang diperlihatkan kepada orang ramai. Jika dikaji dengan lebih teliti, Low sebenarnya bukan pemalu, tetapi dalam diam-diam dia insan yang licik, yang mengira-gira setiap tindak-tanduk orang, memikirkan apa yang dia boleh beri dan apa yang dia boleh peroleh daripada seseorang. Walaupun masih muda, Low mempunyai tarikan yang aneh, yang membolehkan dia bergaul dengan para banker Wall Street yang berpengalaman ataupun dengan masyarakat Hollywood yang dimanjakan. Sejak kecil lagi, dia berusaha untuk berkawan dengan orang yang kaya dan yang berpengaruh di dunia ini. Daripada strategi yang nekad ini, dia berjaya bergaul dengan mereka dan dapat menetap di Hotel Palazzo. Kini sudah sampai masanya dia pula yang bermurah hati.



Majlis pada malam itu di Palazzo menandakan kemuncak kejayaannya. Senarai para jemputan untuk majlis hari jadinya termasuk bintang Hollywood, banker terulung dari Goldman Sachs, dan tokoh-tokoh tersohor dari Timur Tengah. Akibat krisis kewangan yang melanda A.S., mereka semua mahu menumpang senang dengan Low. Pras Michél sudah tidak lagi terkenal apabila kumpulan *Fugees* dibubarkan, tetapi merancang untuk menjadi pelabur ekuiti persendirian, dan Low telah berjanji untuk membantu dia dari segi kewangan. Seseengah selebriti menerima beratus ribu dollar sebagai upah untuk hadir di majlis Low dan mereka tidak keberatan untuk membuat lelaki itu berasa gembira.

Swizz Beatz meminta para jemputan di bilik suite itu diam seketika sebelum dia menyerahkan peralatan DJ yang mahal yang dihiasi gambar panda kepada Low sebagai hadiah. Tawa mereka terburai. Itulah gelaran yang diberikan kepada Low oleh rakan-rakannya yang akrab – ‘Panda’ – memandangkan sosoknya yang montel. Dia gemar filem *Kung Fu Panda*, dan apabila sedang berjudi dengan kawan-kawan rapatnya dari Malaysia, masing-masing akan memegang watak dalam filem itu. Malah bintang-bintang seperti Pras dan Swizz Beatz, yang sudahpun menerima berjuta-juta dolar daripada urusan niaga dan upah untuk muncul di majlis Low, tidak boleh mendakwa mereka tahu tentang kisah hidup lelaki itu. Jika anda mencari ‘Jho Low’ di *Google*, hanya sedikit maklumat yang akan muncul. Ada yang berkata dia orang Asia yang berniaga senjata api. Ada yang mendakwa dia rapat dengan mantan perdana menteri Malaysia. Ataupun mungkin dia mewarisi berbilion-bilion dolar daripada datuknya. Operator kasino dan kelab malam menggelar mana-mana pelanggan penting mereka ‘paus’ dan yang pastinya tentang Low, dialah paus yang paling mewah yang pernah muncul di Vegas, New York, dan St Tropez.

Beberapa jam selepas itu, sejurus selepas jam sembilan malam, para jemputan Low mula menuju ke acara utama pada malam itu. Untuk mengelak paparazzi, mereka menggunakan kawasan untuk pekerja, termasuk sebuah dapur sebelum menuju ke terowong konkrit



yang menghala ke garaj hotel. Sederet limosin berwarna hitam sedia menanti dengan enjin berderum perlahan. Hotel Palazzo hanya akan memberikan layanan khas seperti itu kepada tetamunya yang paling kaya sahaja.

Semuanya berjalan dengan lancar. Pintu dibuka tepat pada masanya dan gadis-gadis yang tersenyum manis mengalu-alukan kedatangan mereka. Tatkala limosin menghala ke *The Strip*, jelaslah mereka bukan menuju ke padang pasir, tetapi berhenti di sebuah bangunan yang kelihatan seperti sebuah hangar besar yang dibina khas di sebidang tanah lapang. Malah VIP turut tertanya-tanya. Kereta-kereta itu meluncur melepasi tempat pemeriksaan keselamatan sebelum berhenti di pintu masuk yang dibentang permaidani merah, dikawal oleh pengawal keselamatan yang berbadan sasa dan memakai sut hitam. Sekumpulan model yang muda belia memakai baju berwarna merah, menghidangkan minuman dan makanan sementara yang lain-lain sekadar menjadi habuan mata.

Beginilah caranya VIP yang hebat-hebat disambut, tetapi kebanyakan daripada lebih kurang tiga ratus orang jemputan, ada yang memegang kad jemputan berwarna merah terang tertulis 'Everyday Birthday' dalam huruf emas, telah terlebih dahulu singgah di kelab malam LAVO di Hotel Palazzo ataupun singgah di pos bertugas pengawal keselamatan. Di sana mereka dikehendaki menandatangani perjanjian ketakdedahan, yang mengikat mereka supaya tidak mendedahkan kepada mana-mana pihak apa yang berlaku pada malam itu. Mereka dikehendaki menyerahkan telefon mereka sebelum menaiki bas mini untuk menuju ke suatu tempat yang tidak jauh dari situ. Antara yang dijemput ialah Robin Leach, yang selama berpuluh-puluh tahun lamanya, menjadi hos rancangan TV, *Lifestyles of the Rich and Famous*, dan telah memabadkan gaya hidup penyanyi rapper, bintang Hollywood, dan dinasti yang berduit. Ini berlaku dalam tahun 1980-an dan 1990-an, dan dia sesungguhnya amat terkejut dengan apa yang berlaku pada malam itu. Sebagai kolumnis gosip untuk *Las Vegas Sun*, Leach : segelintir jemputan yang tahu apa yang bakal berlaku. "K



angin EKSKLUSIF: Britney Spears akan terbang ke Vegas esok untuk mengadakan konsert secara tertutup, iaitu parti peribadi yang menelan belanja besar yang belum pernah diadakan,” dia menulis dalam *Twitter*.

Suatu syarat yang mengelirukan berkenaan syarat jemputan Leach adalah bahawa dia dibenarkan menulis tentang parti ini, tetapi tidak boleh mendedahkan nama hosnya. Leach mencari rezeki dengan mempergunakan keinginan orang kaya untuk menguar-uarkan kekayaan mereka; kenapa lelaki itu mahu berbelanja sebegitu banyak secara berahsia? dia tertanya-tanya. Leach yang sudah masak dengan kehidupan malam, terpegun melihat bangunan di tapak itu. Tatkala dia meneliti gerbang tapak parti itu, yang cukup luas untuk menempatkan karusel roda Ferris, trampolin sarkas, bilik untuk menghisap cerut, dan kerusi empuk berwarna putih yang ditempatkan di merata-rata tempat, dia mula mencongak. Satu bahagian bertemakan sarkas, sementara yang sebahagian lagi dihias menjadi kelab malam yang amat canggih. Dengan lampu dan peralatan yang mengeluarkan bunga api dari semasa ke semasa, ia terasa seperti sebuah konsert yang besar, bukan yang diadakan secara tertutup.

Leach menganggarkan semua itu menelan *berjuta* dolar. Di sebuah khemah, sepasang kekasih, Kanye West dan Kim Kardashian sedang bercumbu-cumbuan. Paris Hilton dan buah hatinya, River Viper, sedang berbisik-bisik di bar; pelakon Bradley Cooper dan Zach Galifianakis, yang sedang berehat daripada pembikinan filem *The Hangover Part III*, ketawa sambil memandangi sekeliling mereka. Jarang sekali sebegitu ramai pelakon dan ahli muzik yang terkenal dapat berkumpul dalam suatu acara selain acara penyampaian anugerah. “Kami sudah terbiasa dengan parti yang mewah-mewah di Las Vegas, namun inilah parti yang paling hebat,” kata Leach. “Belum pernah saya hadir di parti sehebat ini.”


Sedang para jemputan berbual-bual, para penghibur ala *Cirque du Soleil* berlegar-legar di sekeliling mereka dengan menggunakan jangkungan sementara akrobat yang mengenakan pakaian dalam wanita bergayutan di tali nun jauh di atas sana. Beberapa buah trak



raksasa diparkir di pinggir kawasan itu dan lebih kurang dua puluh orang kenit yang memakai pakaian seperti *Oompa-Loompas* berarak di celah-celah para jemputan. Di kawasan VIP yang terkepong, Low sedang berbual dengan DiCaprio dan Martin Scorsese, yang mengarah filem *The Wolf of Wall Street*. Apabila malam kian larut, lebih ramai jemputan tiba, antaranya Robert De Niro, Tobey Maguire, dan pemenang pingat emas dalam sukan Olimpik, Michael Phelps.

Bukan semua jemputan pada malam itu terdiri daripada selebriti. Low tidak lupa menjemput rakan-rakannya yang kurang terkenal dan rakan perniagaan yang penting. Antaranya ialah Tim Leissner, banker berbangsa Jerman yang merupakan tokoh urus niaga Goldman Sachs yang terulung di rantau Asia, dan Mohamed Al Husseiny, CEO dana pelaburan Abu Dhabi yang terkaya. Terdapat desas-desus di kalangan banker Wall Street tentang keuntungan besar yang diperoleh oleh Goldman di Malaysia yang berjumlah beratus-ratus juta dolar kerana menguruskan bon untuk dana pelaburan negara itu. Namun desas-desus ini tidak menular ke Hollywood yang terasing. Konco-konco Low juga ada di situ, termasuk 'Fat Eric' yang dikenali oleh Low semasa berkunjung ke kelab malam di Malaysia, sepupunya Howie, dan abangnya Szen.

Para pelayan menghidang champange dalam botol kecil lengkap dengan penyedutnya. Pelayan bar, yang terpacak di belakang bar ais berukuran dua puluh empat kaki, menghidangkan minuman keras yang mahal-mahal dan champange *Cristal* dalam gelas berkaki. Para jemputan sedang berseronok-seronok apabila Jamie Foxx memulakan persembahan dengan sebuah video yang ditayangkan pada skrin yang besar. Rupa-rupanya kawan Low dari seluruh dunia telah bekerjasama untuk membuat video hari jadi untuk rakan karib mereka, setiap orang menari mengikut rentak 'Gangnam'. Banker pelaburan daripada syarikat pelaburan Low yang bertempat di Hong Kong membuat persembahan dalam bilik persidangan. Al Husseiny pula menari atas jet ski di luar kawasan Abu Dhabi. Sebenarnya video ini sebahagiannya ialah buah fikiran Low, dan seperti setiap p pada malam itu, daripada warna bunga hinggalah kepada mi



yang dihidangkan di bar, semuanya dirancang dengan teliti untuk menonjolkan dirinya. Dan walaupun tayangan video itu bukanlah suatu kejutan baginya, Low tetap menyeringai.

Apabila tayangan video itu selesai, Psy, penyanyi Korea Selatan yang menjadi terkenal secara mendadak pada tahun itu kerana 'Gangnam Style,' menyanyikan lagu itu secara *live* dan hadirin pun bertepuk. Dalam satu setengah jam berikutnya, terdapat persembahan daripada Redfoo dan Party Rock Crew, Busta Rhymes, Q-Tip, Pharrell, serta Swizz Beatz, serta Ludacris dan Chris Brown, yang buat pertama kali menyanyikan lagu 'Everyday Birthday'. Semasa persembahan Q-Tip, DiCaprio yang mabuk naik ke pentas dan bernyanyi bersama lelaki itu. Kemudian sebuah kek perkahwinan tiruan di tolak ke pentas. Sejurus kemudian, Britney Spears, yang memakai baju yang sendat dan terdedah berwarna keemasan muncul dari kek itu. Diiringi penari-penarinya, dia mendendangkan lagu 'Happy Birthday' kepada Low dan dalam masa yang sama, beberapa orang gadis menghidangkan potongan kek coklat kepada para jemputan. Setiap orang yang membuat persembahan mendapat bayaran yang lumayan. Spears dikatakan menerima jumlah enam angka untuk persembahannya yang sekejap itu.

Itu belum lagi disebut tentang hadiah yang diterima oleh Low. Impresario malam itu, Noah Tepperberg dan Jason Strauss yang membantu mengatur parti ini, menghentikan muzik lalu mencapai mikrofon. Low pernah berbelanja berpuluh-puluh juta dolar di kelab-kelab mereka *Marquee*, *TAO*, dan *LAVO* sejak beberapa tahun yang lalu, yakni semasa mereka dilanda krisis kewangan dan pengunjung-pengunjung utama mula terasa bahangnya. Low merupakan pelanggan nombor satu mereka, dan mereka sanggup berbuat apa sahaja untuk memastikan pemilik kelab malam yang lain tidak merampas dia daripada mereka. Tepperberg dan Strauss menggamit seorang pekerja dan sebuah kereta Lamborghini warna merah menyala dipandu ke tengah-tengah khemah. Ada orang memberi dia bukan sebuah tetapi tiga buah motosikal Ducati model atasan. Akhir sekali, sebuah kereta Bugatti Veyron bernilai \$2.5 juta yang diikat dengan reben, dihadiahkan oleh Szen Low kepada adiknya.



Hadiah-hadiah yang kurang mahal juga tidak kurang hebatnya. Joey McFarland, yang sebelum itu pernah bekerja sebagai pencari bakat tetapi kerana dibantu oleh Low, kini menjadi penerbit filem yang gah, menghadiahkan Low sebuah peti wain yang ditempah khas yang dilengkapi gambar Kung Fu Panda seperti yang terdapat pada filem kartun, dan ungkapan 'Vintage 1981' dan 'Product of Malaysia' terukir pada kayu. Di dalam peti itu terdapat sebotol wain *Petrus* tahun 1981 yang bernilai \$1000, yang dihasilkan pada tahun kelahiran Low. Sejurus selepas jam 12.20 pagi, langit mula diterangi bunga api. Parti itu berlangsung hingga ke subuh dengan persembahan oleh Usher, DJ Chuckie, dan Kanye West. Berserta rakan dan selebriti, Low masuk ke dalam sebuah limosin dan membawa para jemputannya kembali ke Hotel Palazzo. Di sana dia berjudi hingga ke tengah hari pada hari Ahad itu.

Begitulah halnya dengan dunia yang dicipta oleh Jho Low.

“Sedang anda terlena, seorang jutawan Cina sedang berpesta berhabis-habisan.” Begitulah bunyi sebuah rencana di laman sesawang sebuah stesen radio tempatan, *KROQ*, dua hari selepas itu yang membuat silap tentang kewarganegaraan Low. Ia merujuk lelaki itu 'Jay Low'. Ini bukan pertama kali nama Low tersiar dalam tabloid ataupun dikaitkan dengan kemewahan – dan tentunya bukan kali yang terakhir – tetapi parti hari jadi di Vegas itu merupakan kemuncak kehidupannya yang aneh dan sarat dengan peristiwa.

Ramai yang mengenali Low menyangka dia daripada keluarga yang kaya-raya di Asia, anak manja daripada keluarga yang kaya-raya di Asia yang ekonominya sedang berkembang pesat. Tidak ramai orang yang bertanya tentang dirinya, dan mereka yang berbuat begitu hanya mendapat sekelumit maklumat tentang siapa sebenarnya lelaki itu. Namun Low bukan berasal daripada keluarga yang berada, yang pastinya tidak mampu membiayai parti yang semewah itu. Wang yang diperoleh datang daripada beberapa sumber yang tidak masuk akal sehingga seakan-akan direka-reka. Malah sekarang ini, yang dicapai oleh – rompak global yang dilakukan olehnya



mbolehkan dia mampu membiayai parti seperti yang diadakan pada malam itu dan bermacam-macam lagi, sesungguhnya amat sukar difahami.

Walaupun Low berasal dari Malaysia, rompakannya yang dilakukan olehnya ialah rancangan jahat global abad ke-21. Pengkomplot-pengkomplotnya merupakan 0.1 peratus orang terkaya di dunia, yakni yang terkaya antara yang terkaya, ataupun mereka yang berazam untuk berada dalam kumpulan ini: orang muda dari Amerika, Eropah, dan Asia yang sama-sama menuntut untuk memperoleh MBA, menceburi bidang kewangan, dan selepas itu berfoya-foya di New York, Las Vegas, London, Cannes, dan Hong Kong. Latar belakangnya ialah krisis kewangan yang telah membuat ekonomi A.S. jatuh merundum, dan ini membuat jutawan dari Asia seperti Low yang boros menjadi semakin menarik.

Berbekalkan wang tunai yang sebegitu banyak yang mungkin tidak ada pada orang lain dalam dunia ini, Low menyusup masuk ke dasar kuasa A.S.. Dia berjaya berbuat begitu kerana latar belakangnya yang agak kabur dan ramai orang tidak tahu tentang Malaysia. Sekiranya dia mengaku dia anak raja dari Malaysia, tentu sekali mereka akan percaya kata-katanya itu. Pewaris kepada harta yang bernilai berjuta-juta dolar? Mungkin betul dan lagipun mereka tidak ambil peduli. Tidak bagi Leonardo DiCaprio dan Martin Scorsese yang dijanjikan habuan berpuluh-puluh juta dolar untuk membikin filem. Tidak bagi Paris Hilton, Jamie Foxx, dan bintang-bintang lain yang mendapat bayaran yang lumayan untuk muncul di acara yang diadakan oleh Low. Tidak bagi Jason Strauss dan Noah Tepperberg yang empayar kelab malam mereka sedang berkembang pesat. Tidak bagi model-model terkenal yang dilimpahi intan berlian yang bernilai berjuta-juta dolar. Tidak bagi banker Wall Street yang memperoleh bonus bernilai berpuluh-puluh juta dolar. Dan tentu sekali tidak bagi pelindung Low, mantan Perdana Menteri Malaysia, Najib Razak.

Rancangan jahat Low melibatkan pembelian syarikat-syarikat yang sudah menjadi sejarah, persahabatan dengan orang yang terkenal di dunia ini, hubungan sulit dengan perempuan cantik, dan malah

kunjungan ke Rumah Putih, dan yang paling utama, ia melibatkan manipulasi kewangan global yang luar biasa dan rumit. Ketika buku ini sedang ditulis, pihak FBI masih mencuba menguraikan apa yang sebenarnya berlaku. Berbilion-bilion dolar wang kerajaan Malaysia yang diperoleh dengan bantuan Goldman Sachs, telah lesap ke dalam pelbagai akaun bank, syarikat lepas pantai, dan struktur kewangan lain yang kompleks. Apabila rancangan jahat ini sudah terbongkar, mantan perdana menteri Malaysia membelakangkan demokrasi dalam percubaannya untuk terus memegang kuasa. Low bersembunyi di Asia Tenggara kerana mahu mengelak disoal siasat oleh FBI, dan setakat ini dia berjaya meloloskan diri daripada diseret ke muka pengadilan.

Kisah Low menggambarkan kuasa luar biasa yang ada pada mereka yang tahu cara memanipulasikan tahap-tahap kewangan antarabangsa dalam abad ke-21. Bagaimana Low boleh berkembang maju akibat kelemahan kapitalisme global dijadikan subjek buku ini.

Kisah ini bermula di Pulau Pinang yang indah permai.



BAHAGIAN I

TERCIPTANYA JHO LOW



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

TIPU DAN HELAH UNTUK MENCURI \$5 BILION

Pada tahun 2009, ketika krisis kewangan belum benar-benar pulih, seorang graduan Wharton yang lembut orangnya melakukan penipuan yang amat besar yang belum pernah dilakukan sebelum ini – yang kemudian melambangkan ancaman yang seterusnya kepada sistem kewangan global. Nama lelaki itu ialah Jho Low, orang yang mempunyai perwatakan yang luar biasa sehingga terasa ia dibuat-buat.

Jika pada zahirnya Jho Low kelihatan pemalu, tetapi sebenarnya dia lelaki mata duitan yang suka bercakap besar dan suka bergaul dengan orang kenamaan. Dia yang baru lulus kolej, berjaya memujuk Perdana Menteri Malaysia, Najib Razak, untuk menubuhkan sebuah dana pelaburan yang dikenali sebagai 1MDB. Low yang mengarahkan 1MDB dari belakang tabir, berjaya mendapatkan \$10 bilion dengan bantuan Goldman Sachs dan yang lain-lain. Sepanjang setengah dekad yang berikutnya, dia melesapkan berbilion-bilion dolar – yang digunakan untuk membiayai pilihan raya, untuk membeli harta tanah yang mewah, menerbitkan filem-filem Hollywood, antaranya *The Wolf of Wall Street*, dan mengadakan parti-parti yang berlimpah-ruah dengan champagne di setiap pelosok dunia.

Sifat dermawan Low membuat dia disenangi oleh semua orang, termasuk selebriti seperti Leonardo DiCaprio dan Jamie Foxx, model terkenal seperti Miranda Kerr. Dia juga menjadi penyumbang utama kepada Presiden Obama. Yang anehnya, tidak ada siapa yang sedar apa yang sedang berlaku – baik bank-bank global yang seolah-olah menutup mata terhadap transaksi wang yang berjumlah berjuta-juta dolar itu, mahupun pemantau-pemantau sistem kewangan yang rasmi.

Tom Wright dan Bradley Hope, wartawan *Wall Street Journal* yang pernah memenangi anugerah, telah mendedahkan berpuluh-puluh cerita tentang skandal 1MDB. Kini, buat pertama kali, mereka mendedahkan cerita yang lengkap mengenai rompakkan yang paling besar dalam lipatan sejarah. Buku *Billion Dollar Whale* adalah setanding buku *Liar's Poker* dan *Den of Thieves* yang menjadi kisah klasik yang mengganggu perasaan yang menceritakan dunia kewangan yang megah diri dan tamak haloba.

Hakcipta foto buku depan: © Michael Loccisano/Getty Images



ZI Publications Sdn. Bhd.



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA